

27 JAN 1999

Mahathir-GPMS

PM MINTA GPMS BERI LEBIH PERHATIAN KEPADA PENDIDIKAN PELAJAR MELAYU

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) merangka program bagi menyatupadukan masyarakat pelajar Melayu untuk mengelakkan mereka daripada dipergunakan untuk tujuan politik.

Beliau juga mahu program-program keagamaan dan celik komputer yang lebih efektif dianjurkan bagi kepentingan masyarakat pelajar di seluruh negara, kata presiden GPMS, Datuk Suhaimi Ibrahim kepada Bernama, selepas pertemuan anggota-anggota jawatankuasa tertinggi gabungan itu dengan Dr Mahathir dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali di Sri Perdana, petang ini.

Mengikuti rancangan, pertemuan exco tertinggi GPMS itu adalah dengan Dr Siti Hasmah bagi menjemput beliau, yang merupakan salah seorang pengasas GPMS, untuk menghadiri majlis pengkisahan sejarah sempena ulangtahun ke-50 GPMS yang dirancang diadakan di sini, Mac ini.

Bagaimanapun, anggota-anggota exco gabungan itu lebih beruntung kerana berkesempatan bertemu dan bermesra dengan Dr Mahathir yang kebetulan pulang ke kediamannya semasa mereka sedang menikmati jamuan petang bersama Dr Siti Hasmah.

Suhaimi berkata, Dr Mahathir gembira kerana GPMS akan diaktifkan semula selepas menyepi dari sebarang kegiatan sejak lima tahun lepas disebabkan ketiadaan wang untuk bergerak.

Malah, katanya, Perdana Menteri telah menyatakan kesediaan untuk membantu gabungan itu dari segi kewangan.

Suhaimi berkata kesemua 250,000 anggota gabungan itu akan digerakkan untuk melaksanakan program-program berkenaan bagi merealisasikan aspirasi Perdana Menteri itu.

"Kita akan turun ke universiti-universiti, kolej-kolej dan sekolah-sekolah bagi merapatkan diri dengan para pelajar dalam usaha menyemarakkan lagi perjuangan murni GPMS bagi membantu pelajar-pelajar Melayu," katanya.

Sementara itu, Siti Hasmah, yang juga Yang Dipertua Persatuan Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), juga menyatakan kesediaan Bakti bekerjasama dengan GPMS bagi melaksanakan program kemasyarakatan khusus untuk golongan pelajar.

Antara yang dirancangkan ialah program anak angkat, program pertukaran antara pelajar luar bandar dan bandar, program motivasi dan pendidikan.

"GPMS akan mengemukakan rangka rancangan yang hendak dilaksanakan bersama-sama Bakti untuk pertimbangan exco tertinggi Bakti kerana Baktilah yang akan membiayai sebahagian daripada program berkenaan," katanya.

-- BERNAMA

RA AHH WAT